

06/10/2003

Malaysia sokong ASC dengan syarat

MALAYSIA menyokong konsep Komuniti Keselamatan Asean (ASC), iaitu salah satu daripada tiga tonggak Asean Concord II (Bali Concord II), dengan syarat ia tidak menjadikan Asean sebuah blok pertahanan.

Malaysia juga sudah mendapatkan pandangan Indonesia yang mengilhamkan idea pembentukan ASC sebelum membuat keputusan menyokongnya.

Malah, ada kesefahaman jelas di kalangan negara anggota Asean ia tidak patut menjadi satu blok keselamatan dan ini dicapai melalui pelbagai peringkat perbincangan yang diadakan dengan teliti dan berhati-hati sebelum persetujuan dicapai.

Negara anggota juga sebulat suara tidak mahu ASC disalah fahami sebagai blok keselamatan.

"Kita hanya setuju kepadanya selepas mengkajinya secara teliti dan berhati-hati.

"Indonesia kata tumpuan ASC bukan blok ketenteraan, tetapi mewujudkan keamanan dan kemakmuran dalam konteks menentukan kesejahteraan rakyat Asean," kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar pada sidang media di sini, semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dijangka tiba di sini hari ini akan mengetuai Malaysia ke Sidang kemuncak Asean Ke-9 yang diadakan di sini esok dan Rabu.

Syed Hamid pula akan mengetuai delegasi Malaysia dalam mesyuarat peringkat menteri Asean (AMM) yang akan diadakan di sini, hari ini. Mesyuarat peringkat pegawai kanan (SOM) berakhir Sabtu lalu.